

PENDETA: *Journal of Malay Language, Education and Literature* keluaran Jun 2025 menerbitkan 20 artikel yang membincangkan pelbagai isu yang berfokus kepada pengajian Melayu meliputi bidang bahasa, budaya, kesusasteraan dan pendidikan dalam bahasa Melayu. PENDETA memberikan ruang bukan sahaja kepada penyelidik tempatan, malah kepada penyelidik dari rantau ASEAN dan Eropah dalam berkongsi pengetahuan dan hasil penyelidikan yang berkaitan dengan bidang bahasa, budaya, kesusasteraan dan pendidikan dalam bahasa Melayu.

Proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pada masa ini menuntut tenaga pengajarnya menerapkan elemen PAK-21 bukan sahaja untuk mengubah gaya pengajaran konvensional kepada gaya pengajaran interaktif, malah untuk menarik minat serta motivasi murid dalam sesuatu topik yang dipelajari. Gamifikasi misalnya merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang boleh menarik minat murid dalam pembelajaran termasuklah dalam topik tatabahasa. Dalam salah satu makalah yang dibincangkan, teknik ini ternyata berkesan dalam meningkatkan pemahaman murid tentang tatabahasa apabila dapatan kajian menunjukkan perbezaan dalam peningkatan skor min bagi kumpulan rawatan yang menjalani pendekatan gamifikasi lebih baik daripada kumpulan kawalan. Dari segi implikasi, makalah tersebut mendedahkan kepentingan menerapkan kaedah pengajaran yang interaktif supaya bukan sahaja guru, malah murid juga dapat memperoleh manfaat daripada kaedah yang digunakan.

Masalah membaca dalam kalangan murid prasekolah telah memberikan kesan kepada peningkatan jumlah murid pemulihan di sekolah rendah terutamanya murid tahun satu. Bagi mengatasi masalah ini, makalah pada keluaran kali ini ada membincangkan tentang analisis kandungan empat bahan bacaan berbentuk buku yang digunakan oleh guru untuk pembelajaran kemahiran membaca peringkat prasekolah. Setelah diteliti, tidak semua bahan bacaan tersebut mempunyai kandungan yang tepat dan sesuai untuk pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu. Penyelidik telah mengadaptasikan Model Analisis Kandungan (Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman, 2000) yang mempunyai enam elemen, iaitu ketepatan kandungan, kesesuaian dan kejelasan bahasa, reka bentuk ilustrasi, fizikal buku, persembahan dan latihan dan aktiviti. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa terdapat bahan bacaan yang mempunyai susunan kandungan bahan yang tidak mengikut kurikulum dan mempunyai kesalahan daripada aspek bahasa. Implikasi kajian ini penting untuk guru mengetahui kriteria pemilihan bahan bacaan yang menepati kandungan kurikulum dan aspek penggunaan bahasa yang betul agar dapat membantu murid meningkatkan kemahiran membaca khususnya pada peringkat prasekolah.

Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing tidak seharusnya terhad kepada aspek linguistik semata-mata, sebaliknya perlu disertakan dengan pemahaman budaya Melayu bagi membentuk penguasaan bahasa yang menyeluruh dan kontekstual. Salah satu makalah dalam terbitan kali ini ada membincangkan perkara tersebut menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review (SLR)* berasaskan garis panduan PRISMA yang menganalisis 10 artikel berkaitan pengajaran budaya Melayu dalam konteks bahasa Melayu untuk penutur asing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran budaya yang berkesan melibatkan penggunaan bahan autentik, aktiviti kontekstual dan interaksi komuniti. Tema budaya yang sering diajar termasuk nilai kekeluargaan, adat perkahwinan, pantang larang, kesopanan dan bahasa tubuh. Walau bagaimanapun, antara cabaran utama ialah kekurangan latihan guru, bahan pengajaran yang terhad, serta kekangan masa dan perbezaan persepsi budaya. Kajian tersebut mencadangkan beberapa amalan terbaik termasuk pembangunan modul budaya yang sistematik, kolaborasi dengan komuniti tempatan dan integrasi elemen budaya dalam kurikulum secara terancang. Hasil kajian tersebut diharapkan dapat memberi sumbangan ke

arah memperkuat pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing melalui pendekatan yang lebih holistik dan antara budaya.

Terdapat juga kajian yang membincangkan tentang pencapaian penutur bukan natif Bahasa Melayu dalam membina kandungan karangan, sebelum dan selepas diberikan pendedahan terhadap Model Penulisan Sistematis berasaskan Sistem Fungsional Linguistik. Hasil kajian mendapati bahawa Model Penulisan Sistematis mudah digunakan, dan pelajar berasa gembira mengaplikasikannya dalam penulisan karangan mereka. Model ini diharapkan dapat membantu pelajar yang mengalami masalah dalam pembinaan kandungan esei agar dapat menghasilkan penulisan yang lebih padu dan berkualiti.

Selain itu, keluaran kali ini turut membincangkan tentang Place-based Education (PBE) dalam konteks Pendidikan Alam Sekitar (EE), Pendidikan Luar (Outdoor Education), dan Pendidikan Sejarah (History Education). Model dimensi PBE oleh Ardoin et al. (2012) telah dijadikan rujukan utama dalam kajian ini. Tujuan kajian tersebut dilakukan untuk meneroka dimensi dengan menjalankan Analisis Faktor Pengesahan (Confirmatory Factor Analysis, CFA) terhadap data yang diperolehi. Kajian ini dijangka dapat membimbing para penggubal dasar, pentadbir, sarjana, dan pendidik di seluruh dunia dalam mengintegrasikan PBE ke dalam kurikulum sebagai satu pendekatan pedagogi yang lebih berkesan. Penemuan kajian akan membantu penyelidik lain untuk mengarahkan penyelidikan masa depan terhadap PBE.

Masyarakat Murut di Sabah banyak berinteraksi dengan alam sekitar dalam kehidupan seharian mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam pertanian tradisional. Walaupun dalam bidang pertanian sekalipun, masyarakat Murut masih berpegang dengan kearifan tempatan dan nilai adat yang terdapat dalam budaya mereka. Penulis telah berjaya mengetengahkan 11 langkah yang dilakukan oleh masyarakat Murut dalam melakukan aktiviti pertanian yang bermula daripada mengenal pasti tapak tanah pertanian, penilaian fizikal dan spiritual, mengenal pasti sempadan kawasan, pembersihan, menebas, memotong pokok, pembakaran, penanaman, merumput, menuai dan merayakan pesta kesyukuran (kegembiraan). Dari segi implikasi, makalah ini menekankan aspek kearifan tempatan dan kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat luar bandar di Sabah, khususnya masyarakat Murut dalam melestarikan keseimbangan alam sekitar.

Isu tentang penggunaan imej burung dalam puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang* turut diketengahkan dalam keluaran kali ini. Dalam Puisi *Pengap Gawai Pangkung Tiang*, terdapat tujuh imej burung yang digunakan bukan sahaja bertujuan untuk mendukung makna kiasan, malah turut digunakan dalam ritual keagamaan masyarakat Iban untuk tujuan memohon keberkatan, memohon perlindungan, kesihatan, dan rezeki. Antara imej burung yang terdapat dalam puisi tersebut ialah burung ketupung, beragai, berjampung, nendak, lang (helang), kunchau (tempua) dan lelayang (laying-layang). Makalah ini pada dasarnya bukan sahaja dapat menambah pengetahuan tentang simbolisme burung yang terdapat dalam puisi tradisional, malah juga memberikan kesedaran kepada pembaca untuk melestarikan dan menghargai budaya melalui bidang pendidikan dan ilmu kesusasteraan.

Media pembelajaran berasaskan teknologi digital berpotensi untuk memperkayakan pengalaman pendidikan khususnya dalam meningkatkan pemahaman kosa kata murid. Sejajar dengan keupayaan teknologi digital dalam membantu menyampaikan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan, maka salah satu makalah pada keluaran kali ini bertujuan telah mengenal pasti dan menjelaskan keberkesanan penggunaan media e-lagu terhadap pencapaian kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah di luar bandar. Analisis keseluruhan

menunjukkan bahawa terdapat kesan yang positif terhadap penggunaan media e-lagu terhadap pencapaian kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah di luar bandar. Kajian ini memberi implikasi yang signifikan terhadap peningkatan integrasi teknologi dalam pembelajaran bahasa dan menekankan kepentingannya dalam kemajuan amalan pendidikan terutamanya dalam persekitaran luar bandar yang mempunyai sumber terhad.

Isu kepupusan bahasa terus menjadi perdebatan dalam kalangan ahli akademik. Selain bahasa-bahasa etnik, bahasa minoriti seperti bahasa masyarakat Orang Asli turut mengalami nasib yang sama. Dalam keluaran kali ini, fenomena kepupusan bahasa Mendriq yang dituturkan di Gua Musang, Kelantan turut diketengahkan. Hasil perbincangan mendapati bahawa walaupun bahasa tersebut merupakan bahasa minoriti, namun kebanyakan murid di Sekolah Kebangsaan Kuala Lah masih mempunyai pengetahuan yang baik tentang bahasa tersebut apabila kebanyakan mereka masih berupaya memahami makna bagi sepuluh leksikal yang diajukan kepada mereka. Sungguhpun demikian, penyelidik berpendapat usaha memelihara dan melestarikan bahasa Mendriq masih tetap perlu dilaksanakan.

Usaha pelestarian bahasa Punan juga turut dibincangkan dalam terbitan kali ini dengan berfokus kepada bunyi vokal. Penyelidik mengaplikasikan pendekatan linguistik deskriptif dengan penerapan fonologi fonemik dalam menganalisis bahasa tersebut. Data kajian ini diperolehi melalui kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu ramah berdasarkan 200 daftar kata dan menggunakan kaedah asosiasi idea berdasarkan domain keluarga, tubuh badan, kata arah, flora dan fauna. Fonem vokal bahasa Punan dianalisis menggunakan perisian PRAAT bagi mendapatkan ciri bunyi yang lebih tepat. Perbincangan mendapati terdapat tujuh fonem vokal, empat diftong, dua triftong dalam sistem bahasa Punan. Selain itu, wujud ciri supragemental fonem vokal dalam bahasa Punan iaitu nasalisasi, labialisasi dan pemanjangan vokal. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ciri pemanjangan vokal sangat produktif dan hadir secara konsisten iaitu pada posisi suku kata akhir dan di depan bunyi nasal. Hasil kajian ini secara keseluruhannya diharap dapat memberi sumbangan empirikal dari segi data leksikostatik dalam kajian bahasa sukuan di Sarawak.

Masyarakat orang Asli turut mempunyai cerita dongeng, cerita rakyat, pantun dan peribahasa. Kehidupan orang Asli yang agak jauh dari kawasan penempatan masyarakat lain menyebabkan pengamatan mereka terhadap keadaan sekeliling terbatas sekali gus menyukarkan mereka mencipta perlambangan berdasarkan objek yang wujud dengan tujuan berkias dalam menyampaikan nasihat dengan unsur seperti perlambangan. Perlambangan merupakan unsur yang berkaitan dengan suatu ungkapan atau kata yang lebih lembut, sopan, dan manis didengar untuk menggantikan ungkapan lain bagi mengelak salah faham terhadap mesej yang ingin disampaikan. Sehubungan dengan itu, terdapat kajian yang dilakukan untuk mengenal pasti peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai dan menganalisis unsur perlambangan dalam peribahasa tersebut. Terdapat lima peribahasa yang dianalisis melalui pendekatan Semiotik dengan menggunakan Model Tanda Triadic Peirce. Hasil kajian mendapati bahawa unsur perlambangan dalam peribahasa masyarakat orang Asli sangat sinonim dengan kelakuan dan budaya masyarakat Melayu. Malah, unsur perlambangan yang digunakan juga jelas menggambarkan ketajaman fikiran dan kekayaan bahasa melalui unsur-unsur alam yang terdapat di sekitar mereka. Dapatan kajian ini juga mampu menghuraikan makna tersirat dan tersurat yang menjadi sebahagian daripada akal budi manusia termasuklah masyarakat orang Asli.

Seterusnya, tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar universiti semakin berkurang. Hal ini demikian kerana faktor demografi, penggunaan tulisan Jawi yang

dikhususkan hanya kepada pembelajaran agama serta penguatkuasaan Akta Bahasa Melayu 1963 menyebabkan tulisan Jawi semakin dipinggirkan. Kesannya, semakin ramai pelajar tidak menerima penggunaan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian sehingga menjadikan kedudukan tulisan Jawi semakin membimbangkan. Pada keluaran kali ini, penyelidik telah menganalisis tahap dan faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar UIAM di Kampus Pagoh. Kajian penyelidik mendapati bahawa tahap penerimaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai purata min sebanyak 4.509. Penyelidik juga dapat menghuraikan lima faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan Jawi dalam kalangan pelajar, iaitu faktor penempatan, latar belakang pendidikan, minat, penggunaan tulisan Rumi dan teknologi dan modenisasi. Kajian ini pada dasarnya membuka mata semua pihak tentang kepentingan tulisan Jawi yang perlu terus dilestarikan demi mempertahankan kedudukan dan kerelevanannya pada masa akan datang.

Seterusnya, terbitan kali ini turut mengetengahkan unsur tarbiah yang terdapat dalam *Novel Bumi Cinta* karya Habiburrahman El Syirazi dengan mengaplikasikan Teori Takmilah. Unsur tarbiah iman telah dikemukakan dalam makalah tersebut mengikut Teori Takmilah. Hasil perbincangan mendapati bahawa *Novel Bumi Cinta* memiliki tujuh prinsip Teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takmilah* (menyempurnakan), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya *mengistikmalkan* diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna).

Pantun mempunyai pelbagai leksikal yang boleh dikaji maknanya. Dari dahulu, kepelbagaian makna tersembunyi yang terdapat di dalam pantun terus dikaji daripada pelbagai aspek dan keadaan ini diteruskan terhadap *Pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Perbincangan dianalisis menggunakan tujuh disiplin semantik leksikal, iaitu homonim, meronim, polisemi, hiponim, metafora, antonym dan sinonim. Kepelbagaian mana daripada perspektif semantik leksikal yang diperoleh daripada pantun tersebut dapat memberikan kesan kepada pemahaman makna, penggunaan bahasa, dan pengayaan kosa kata.

Karya kesusasteraan kanak-kanak dalam bentuk media baharu merupakan satu usaha yang positif untuk mengembangkan dan memperkenalkan bidang kesusasteraan tempatan kerana generasi kini lebih cenderung melayari internet khususnya aplikasi *Youtube* bagi mencari hiburan. Walaupun ada usaha untuk menerapkan elemen kemelayuan dalam karya kesusasteraan kanak-kanak, namun usaha tersebut dilihat masih kurang memadai kerana ramai kanak-kanak memilih untuk menonton karya sastera di *Youtube* dalam bahasa Indonesia. Oleh yang demikian, salah satu makalah dalam keluaran kali ini telah membincangkan tentang lagu kanak-kanak masyarakat Melayu, cerita binatang dalam masyarakat Melayu, permainan tradisonal kanak-kanak Melayu, dan watak hero dalam masyarakat Melayu. Kajian tersebut mendapati bahawa karya sastera kanak-kanak tempatan diaplikasi *Youtube* sememang mempunyai elemen identiti Melayu dan boleh menarik minat golongan kanak-kanak untuk menonton, namun kurang mendapat hebahan secara meluas.

Selain itu, terbitan kali ini turut membincangkan tentang lagu-lagu Melayu tempatan. Lagu Melayu tempatan bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian mesej sosial dan nilai kemanusiaan, termasuk nilai simpati. Pada edisi kali ini, lagu Nuraga oleh Hael Husaini, lagu Malaysia Prihatin oleh Siti Sarah, Alif Satar, Syamel dan Aina Abdul, lagu Bebas Palestin oleh Rabbani, Inteam dan Hijjaz, lagu Wajah oleh Jaclyn

Victor, lagu Naluri oleh Nora, lagu Hijau oleh Zainal Abidin, lagu Hamba Abdi oleh XPDC, lagu Naluri Cinta oleh Rohana Jalil dan To'Ki telah dibincangkan berdasarkan Hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahasa mempengaruhi cara manusia berfikir dan melihat dunia. Bahasa yang digunakan dalam lagu-lagu tersebut berupaya menggambarkan bagaimana pemilihan kata, gaya bahasa dan struktur naratif digunakan untuk membangkitkan rasa empati, keprihatinan dan solidariti terhadap situasi sosial atau kemanusiaan tertentu.

Retorik adalah sebahagian daripada bidang linguistik yang mempunyai seni asas dalam memberi pengaruh atau impak kepada penonton, pendengar, pembaca mahupun khalayak ramai melalui ucapan, penyampaian atau penulisan seseorang. Retorik penting dalam membantu pengucap mendapatkan sokongan yang kukuh terhadap mesej atau ucapan yang disampaikan kepada pendengar. Sehubungan dengan itu, kaedah retorik yang digunakan dalam ucapan dua orang Perdana Menteri Malaysia yang Ke-7 dan Ke-10 telah dibincangkan berdasarkan tiga elemen Teori Retorik Aristotle iaitu ethos, pathos dan logos. Perbincangan mendapati ketiga-tiga elemen tersebut digunakan dalam ucapan kedua-dua Perdana Menteri Malaysia bertujuan menarik minat pendengar serta memberikan keyakinan kepada pendengar terhadap perkara yang disampaikan oleh penutur.

Seterusnya, keluaran kali ini terus membincangkan tentang unsur implisit yang terdapat dalam lagu rakyat bahasa Jerman, "Mein Vater war ein Wandersmann". Seramai 50 orang mahasiswa Melayu di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipilih secara rawak untuk menginterpretasikan makna tersirat di sebalik lagu rakyat ini. Berpandukan refleksi mahasiswa Melayu di UTeM, Lagu rakyat memainkan peranan penting dalam proses pembentukan nilai mendidik, merujuk akal budi manusia yang membentuk jiwa 'sayang akan keluarga', 'mementingkan kesihatan', 'kebebasan', 'kepuasan dan kegembiraan', serta 'ilmu pengetahuan sebagai petunjuk kehidupan'. Dari sudut pragmatik, konteks dalam lagu rakyat ini menyumbang kepada keintelektualan akal budi Melayu, menghasilkan kesan kognitif yang baik dan memudahkan pemahaman lagu rakyat berpandukan kearifan lokal masyarakat Melayu.

Aplikasi Pirak, sebuah aplikasi digital interaktif yang direka khas untuk membantu masyarakat Iban, khususnya golongan wanita dalam mereka bentuk perhiasan kepala tradisional yang dikenali sebagai Sugu Tinggi turut dibincangkan dalam terbitan kali ini. Sugu Tinggi merupakan elemen penting dalam pakaian tradisional wanita Iban yang melambangkan kecantikan, status sosial dan identiti budaya. Walau bagaimanapun, kos pembuatan yang tinggi dan kekangan kemahiran manual menjadi cabaran dalam usaha memelihara warisan ini secara meluas. Sehubungan dengan itu, penulis telah mengemukakan satu aplikasi digital interaktif yang bukan sahaja memudahkan penghasilan perhiasan secara lebih cepat dan menjimatkan, malah berpotensi besar untuk dimanfaatkan dalam bidang pendidikan, khususnya dalam subjek seni visual, reka bentuk dan kebudayaan tempatan. Aplikasi ini juga secara tidak langsung berfungsi sebagai alat bantu mengajar yang interaktif, merangsang pembelajaran kontekstual dan berupaya menjadikan pembaca menghargai nilai estetika yang dimiliki oleh etnik-etnik yang ada di Malaysia termasuklah dalam etnik masyarakat Iban.

Pembudayaan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terus berkembang dari masa ke masa, dalam semua bidang, dan di semua institusi pengajian. Di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), elemen ini telah dibudayakan oleh tenaga pengajar kursus sastera yang menekankan aspek teknologi dan inovasi. Hasil kajian mendapati 60 peratus pensyarah sastera terlibat secara aktif dalam pelbagai projek inovasi serta memanfaatkan aspek teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Hal ini berikutan pendedahan dan galakan yang telah

dibuat oleh pihak pengurusan fakulti dan universiti secara proaktif dan berkala dalam memastikan tenaga pengajarnya berusaha mengimplementasikan elemen ICT ketika mengajar.

Nota daripada Editor

Nur Farahkhanna Mohd Rusli